

Mengurangkan Masalah Pelajar Tidak Menghantar Tugas Penilaian Berterusan Bagi Kursus Dfp4013 - Visual Programming Dengan Pemfokusan Kumpulan Kecil

Abdul Aziz bin Ab Nasir

Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah

aznasir10@gmail.com

Abstrak: Kajian tindakan ini bertujuan untuk mengurangkan masalah pelajar yang tidak menghantar tugas-tugas yang diberikan sepanjang pembelajaran dalam talian sepenuhnya ketika negara dilanda penularan pandemik virus Corona 2019 (COVID-19). Semua tugas tersebut merupakan tugas penilaian iaitu mempunyai markah dalam Penilaian Berterusan (PB). Kajian tindakan ini memfokuskan kepada tiga (3) orang pelajar Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) atau DDT yang mengambil kursus Visual Programming (DFP4013) dalam tempoh satu semester. Intervensi awal yang diambil ialah mengenal pasti bilangan pelajar yang bermasalah dan mengenalpasti tugas penilaian yang masih belum dihantar. Intervensi seterusnya ialah mewujudkan kumpulan media sosial yang kecil iaitu khas untuk pelajar yang telah dikenalpasti agar lebih fokus. Pengkaji membuat pemantauan dengan lebih kerap dan memberikan beberapa peringatan dan sedikit motivasi kepada mereka. Setelah pelaksanaan intervensi dibuat, didapati pelajar yang bermasalah tersebut dapat menghantar semua tugas penilaian yang dikehendaki walaupun terdapat tugas penilaian berkenaan tidak memenuhi semua kehendak rubrik tugas penilaian tersebut.

Katakunci: masalah pelajar; tugas; kumpulan kecil;

1.0 PENDAHULUAN

Masalah pelajar lewat atau tidak menghantar tugas sering berlaku di mana-mana pusat pengajian tinggi yang akan menyebabkan keputusan yang kurang memberangsangkan atau kemungkinan gagal. Ia lebih mencabar lagi apabila negara kita juga terkena wabak pandemik virus Corona (COVID-19) dimana pembelajaran dijalankan dalam talian sepenuhnya. Seiring dengan penulisan Santelli et al., (2020) yang mengambil pandangan penulis lain (Bower & Kumar, 2015) bahawa pelajar kolej dalam talian mempunyai cabaran semasa menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran dimana pelajar akan terasa terasing dan rasa terputus hubungan antara satu sama lain. Dengan pengalaman mengajar di institusi pengajian tinggi samada swasta atau kerajaan sejak 1999, masalah yang sering berlaku adalah kelewatan pelajar menghantar tugas dan kadangkala tidak menghantar tugas yang diberikan. Pelajar juga selalu lewat atau kadang-kadang mereka terlupa menghantar tugas pada tarikh yang diberikan kepada mereka (Gregory & Moron-Garcia, 2009).

Kajian tindakan ini memfokuskan kepada segelintir pelajar Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) atau DDT yang mengambil kursus Visual Programming (DFP4013) dalam tempoh satu semester. Jika ia berlaku, akan memberi kesan negatif kepada markah Penilaian Berterusan (PB) pelajar berkenaan. Kesan yang lebih besar apabila banyak tugas yang tidak dihantar maka boleh menyebabkab pelajar gagal dalam PB. Bagi program Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) atau DDT, jika pelajar gagal dalam PB maka kursus tersebut juga akan gagal walaupun Peperiksaan Akhir (PA) lulus. Sistem DDT, pelajar mesti lulus kedua-dua PB dan PA. Ini tidak boleh dibiarkan berlaku secara berterusan dan akan menjadi tabiat para pelajar terutama dalam cabaran pandemik COVID-19.

Sejak awal kelas bermula, pengkaji menggunakan media sosial aplikasi Telegram untuk berkomunikasi dengan para pelajar seramai 28 orang. Peringatan untuk menghantar tugas yang telah diberikan ditulis dalam aplikasi tersebut. Tetapi masih terdapat pelajar yang tidak menghantar tugas seolah-olah ada pelajar yang tidak membaca mesej tersebut. Pengkaji merasakan bahawa kaedah mencipta satu kumpulan yang kecil aplikasi Telegram perlu dilaksanakan agar pelajar yang dikenalpasti dapat diberi tumpuan yang lebih untuk berkomunikasi.

2.0 FOKUS KAJIAN

Kajian ini ditumpukan kepada tiga (3) orang pelajar yang telah dikenalpasti bagi kursus DFP4013 Visual Programming untuk tempoh satu semester di Polimas atas sikap yang dimilikinya. Ini akan menyebabkan kemungkinan pelajar gagal adalah tinggi, seterusnya akan menurunkan peratus lulus bagi kursus berkenaan.

3.0 MATLAMAT

Matlamat kajian tindakan ini bertujuan untuk mengurangkan masalah pelajar tidak menghantar tugas-tugas yang diberikan bagi kursus Visual Programming dalam suasana kebiasaan baharu penularan wabak COVID-19 ini.

4.0 OBJEKTIF

Objektif bagi kajian tindakan ini adalah seperti berikut:

- 4.1 Mengetahui pasti pelajar yang selalu menghantar tugas tidak mengikut tarikh akhir yang diberikan.
- 4.2 Menjalankan intervensi kepada pelajar yang tidak menghantar tugas serta mengurangkan bilangan pelajar yang tidak menghantar tugas.

5.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian tindakan ini, pengkaji mengambil seramai tiga (3) pelajar yang mengambil kursus DFP4013 iaitu Visual Programming pada sesi Jun 2020 setelah mengenalpasti melalui proses pemerhatian. Kursus DFP4013 ini merupakan salah satu kursus bagi program Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) atau DDT di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah.

6.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pelaksanaan kajian tindakan ini terbahagi kepada tiga perkara:

- a. Langkah-langkah tindakan
- b. Pengumpulan data
- c. Aktiviti intervensi

6.1 Langkah-langkah Tindakan

Setelah masalah yang dihadapi dikenalpasti, pengkaji membuat perancangan dan tempoh masa agar kajian tersebut dapat dilaksanakan dengan sempurna. Pengkaji menyediakan perancangan dalam bentuk carta Gannt seperti di Lampiran 1.

Seterusnya, proses pengumpulan data dilaksanakan bertujuan untuk mendapatkan bilangan pelajar yang sebenar yang tidak menghantar tugas penilaian dengan lengkap melalui aplikasi Sistem Pengurusan Pembelajaran CIDOS.

Hasil daripada data di atas, pelaksanaan aktiviti intervensi dilakukan oleh pengkaji dengan mencipta kumpulan kecil aplikasi Telegram dimana di situ pengkaji menemu bual pelajar, membuat pemantauan, peringatan akan menghubungi waris jika tiada maklum balas serta memberikan motivasi sebagai perangsang kepada pelajar menjadi lebih baik.

6.2 Pengumpulan Data

Terdapat 28 orang pelajar yang mengambil kursus ini pada semester Jun 2020. Kursus ini terdapat beberapa tugas yang perlu dibuat dan dihantar oleh semua pelajar. Tugas penilaian tersebut berikut merupakan tugas berbentuk amali dimana pelajar perlu merekabentuk antaramuka sistem dan membuat pengaturcaraan iaitu *Lab Task 1*, *Lab Task 2*, *Lab Task 3*, *Lab Task 4* dan *Project*. Setiap tugas penilaian tersebut perlu dihantar mengikut tarikh yang diberikan tetapi masih terdapat segelintir pelajar yang masih tegar untuk tidak menghantar tugas penilaian tersebut dan kurang memberi tindak balas dalam kumpulan media sosial yang ramai. Jadual 1 di bawah adalah jumlah pelajar yang telah dikenalpasti setelah pensyarah membuat senarai semak penghantaran tugas penilaian tersebut.

**Jadual 1:** Jumlah Pelajar yang bermasalah

Jumlah pelajar	Jumlah pelajar bermasalah	Peratus pelajar bermasalah
28	3	10.7%

Jadual 2 di bawah pula adalah senarai semak penghantaran tugas penilaian yang telah dibuat oleh pengkaji terhadap tiga pelajar berkenaan.

Jadual 2: Senarai semak penghantaran tugas penilaian

Tugas Pelajar	<i>LT1</i>	<i>LT2</i>	<i>LT3</i>	<i>LT4</i>	<i>Project</i>
Pelajar 1 (Zarif)	×	×	×	×	×
Pelajar 2 (Irdzan)	×	×			
Pelajar 3 (Danial)				×	×

Nota: × - belum hantar

6.3 Aktiviti Intervensi

Berdasarkan data pelajar yang tidak menghantar tugas penilaian di atas, pengkaji meneruskan dengan aktiviti intervensi untuk melengkapkan kajian tindakan ini. Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan:

6.3.1 Mencipta Kumpulan Kecil Aplikasi Telegram


Pensyarah sentiasa memberi peringatan dalam kumpulan media sosial kelas berjumlah seramai 28 orang pelajar iaitu menggunakan aplikasi Telegram. Semua maklumat dan peringatan terutama berkaitan penghantaran tugasan penilaian diberi tetapi masih terdapat maklumat yang tidak diambil peduli. Dalam keadaan kebiasaan baharu (*new normal*) atas sebab pandemik Covid19, menyukarkan lagi pensyarah untuk memastikan sama ada pelajar ini wujud atau tidak dalam kelas maya. Maka pensyarah mengambil langkah mewujudkan kumpulan kecil seperti contoh (Rajah 1) di bawah pada minggu sebelum tarikh tutup mengisi markah ke dalam Sistem Pengurusan Maklumat Poleteknik (SPMP) iaitu pada hujung Disember 2020.

Kaedah kumpulan yang kecil ini pernah dibuat kajian oleh Normaliza Abd Rahim et.al. (2014) dimana mereka mendapati kaedah interaksi dalam kumpulan kecil ini, pelajar lebih suka berinteraksi dan mempunyai keyakinan diri dalam sesi perbincangan. Mereka menggunakan kaedah ini kepada pelajar Korea dalam mempelajari Bahasa Melayu. Selain itu juga, William & Svensson (2020) pernah membuat satu kajian berkenaan perbincangan dalam kumpulan yang kecil berkaitan dengan pembelajaran guru bersama pelajar mengenai sains. Didapati guru lebih positif dalam sesi perbincangan maya, iaitu dalam bentuk pertanyaan yang melibatkan menguji idea dan dapat menyampaikan pandangan yang berbeza. Oleh itu, pengkaji menjadikan bentuk perbincangan dalam kumpulan kecil ini bersesuaian dengan suasana pandemik COVID-19 iaitu kebiasaan baharu secara maya atau Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (PdPDT).

Antara aktiviti yang dilakukan di dalam kumpulan kecil aplikasi Telegram tersebut adalah seperti berikut:

i. Menemu bual


Dalam kumpulan kecil media sosial tersebut, pengkaji menemu bual pelajar berkaitan masalah yang dihadapi pelajar dan apa yang boleh dibantu oleh pensyarah. Didapati pelajar-pelajar ini memberi maklumbalas yang baik berbanding semasa mereka berada dalam kumpulan yang besar dimana mereka kurang mengambil perhatian atau kerap kali tidak membaca arahan dalam Telegram tersebut. Mereka merasakan pensyarah tidak menghiraukan sama ada mereka serius atau tidak dalam proses pengajaran dan pembelajaran.



Rajah 1: Bina kumpulan kecil media sosial

ii. Pemantauan


Pensyarah mengambil langkah untuk memantau mereka sekerap mungkin dalam kumpulan Telegram yang kecil atau berfokus seperti mana Rajah 2 yang ditunjukkan. Dalam kumpulan kecil ini, pensyarah akan memberi peringatan berkenaan tugas penilaian yang masih belum dihantar disamping memberi idea untuk menyelesaikan tugas yang diberi sebelum ini. Selain itu juga pensyarah sentiasa memberi peringatan dan amaran kepada mereka berkenaan kesannya jika tidak menghantar tugas tersebut.



Rajah 2: Sesi pemantauan dalam kumpulan kecil

iii. Peringatan Menghubungi Waris

Pensyarah juga memberi peringatan kepada pelajar berkenaan akan menghubungi waris sama ada secara verbal atau melalui media sosial (aplikasi Whatsapp atau Telegram) jika pelajar tidak memberi maklumbalas atau senyap sahaja. Pensyarah pernah menghubungi waris salah seorang daripada pelajar tersebut sebelum menjalankan intervensi ini melalui mesej aplikasi Whatsapp seperti contoh (Rajah 3) di bawah.



Rajah 3: Dialog bersama waris salah seorang pelajar

iv. Motivasi

Pensyarah juga memberi motivasi seperti kata semangat agar pelajar dapat meneruskan usaha disamping memberi garis panduan untuk melaksanakan atau menyiapkan tugas. Tujuan kata semangat ini untuk memberikan pelajar kekuatan dan harapan agar mereka dapat menghantar tugas tersebut. Mereka merupakan pelajar semester lima (5) dan semua kursus mesti lulus untuk melayakkan mereka menjalani latihan industri (praktikal) pada semester akhir.

7.0 HASIL DAPATAN

Didapati sebanyak 10.7% daripada jumlah pelajar yang mengambil kursus ini, mempunyai masalah menghantar tugas penilaian yang dikehendaki iaitu seramai 3 orang. Ketiga-tiga orang pelajar yang telah dikenal pasti tersebut lebih kerap memberikan maklum balas atau menjawab di dalam kumpulan media sosial yang kecil berbanding di dalam kumpulan besar. Pengkaji juga mendapati bahawa, melalui pemerhatian sepanjang menggunakan komunikasi media sosial atau platform pembelajaran dalam talian, pelajar menjadi lebih terfokus. Jadual kekerapan pemantauan dan peringatan oleh pensyarah boleh dirujuk seperti di Lampiran 2.

Setelah lapan (8) hari pengkaji menjalankan aktiviti intervensi seperti memantau dan sentiasa bertanyakan tugas penilaian tersebut, semua pelajar berkenaan berjaya menghantar kesemua tugas penilaian walaupun masih juga terdapat tugas yang tidak sepenuhnya memenuhi kriteria rubrik yang diberi.

8.0 RUMUSAN

Secara umumnya, pelajar bermasalah tidak menghantar tugas memerlukan perhatian yang lebih daripada para pensyarah. Malahan, pelajar tersebut inginkan dorongan dan motivasi daripada orang sekelilingnya untuk mereka bertindak. Tindakan pelajar untuk terus menyiapkan tugas yang diberi berserta bimbingan adalah sangat diharapkan. Kesan penularan wabak pendamik Covid-19 terhadap proses pembelajaran kini menuntut agar, pembelajaran secara maya serta kewujudan kumpulan kecil akan lebih memudahkan lagi hubungan pensyarah dan pelajar bermasalah itu berkomunikasi.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah mencipta kumpulan kecil secara maya agar sesi komunikasi dan pemantauan adalah lebih fokus. Ia dapat membantu mengurangkan masalah pelajar tidak menghantar tugas atau latihan yang diberi oleh pensyarah. Justeru, menangani masalah pelajar tidak menghantar tugas yang diberi dapat diatasi sepenuhnya. Hal yang demikian ini dapat membantu para pelajar untuk lulus baik dalam kursus yang diambil. Namun begitu, kaedah kumpulan kecil menggunakan aplikasi Telegram semata-mata, masih belum cukup untuk mendapatkan permasalahan sebenar pelajar yang bermasalah. Pelajar hanya menaip mesej di dalam aplikasi tersebut apabila ditanya oleh pensyarah berkenaan tugas yang tidak dihantar sedangkan pensyarah perlu mendapatkan maklumat yang lebih banyak untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Selain itu, tempoh masa pelaksanaan intervensi ini adalah singkat menyebabkan terdapat pelajar menghantar tugas penilaian tidak memenuhi rubrik yang diberikan.



RUJUKAN

- Gregory, K., & Moron-Garcia, S. (2009). Assignment submission, student behaviour and experience. *Engineering Education*, 4(1), 16-28. DOI: 10.11120/ened.2009.04010016
- Normaliza Abd Rahim, Arbai'e Sujud, Hazlina Abdul Halim, & Roslina Mamat (2014). Interaksi kumpulan kecil pelajar Korea dalam pembelajaran bahasa Melayu: satu analisis wacana. *Journal of Business and Social Development*, 2 (2), 91-99.
- Santelli, B., Robertson, S.N., Larson, E.K., & Humphrey, S. (2020). Procrastination and delayed assignment submissions: Student and faculty perceptions of late point policy and grace within an online learning environment. *Online Learning*, 24(3), 35-49.
- Williams A. T., & Svensson, M. (2020). Student teachers' collaborative learning of Science in small-group discussions. *Scandinavian Journal of Educational Research* (2020), 1-14. DOI: 10.1080/00313831.2020.1788141

LAMPIRAN 1

Tarikh Aktiviti	Nov 2020	Dis 2020				Jan 2021				Feb 2021	
	M4	M1	M2	M3	M4	M1	M2	M3	M4	M1	M2
Kenalpasti masalah											
Perancangan Aktiviti Intervensi:											
- Membina kumpulan kecil dalam Telegram											
- Temubual permasalahan dihadapi pelajar											
- Beri amaran tentang kesan jika gagal hantar tugas											
- Hubungi waris											
- Beri kata semangat & beri garis panduan mudah untuk menyiapkan tugas											
Pengumpulan data											
Menganalisis data											
Dokumentasi											
Hebahan											

Carta Gannt bagi metodologi kajian tindakan

LAMPIRAN 2

Jadual: Kekerapan mesej pemantauan

Tarikh	28/11	29/11	30/11	1/12	2/12	3/12	6/12	7/12
Masa								
08.00		(1)		(2)	(3)	(1)	(1)	(2)
09.00	(3)				(2)			
10.00		(1)					(1)	
11.00		(1)					(1)	
12.00		(2)						
13.00								
14.00				(1)				
15.00				(1)		(1)		(1)
16.00			(2)					
17.00								
18.00-23.00							(1)	(1)

* √ () - bilangan mesej oleh pensyarah di Telegram kumpulan kecil dalam tempoh sejam